

11 JAN 2000

Hasmy-AIDS

KURANGKAN HARGA UBAT HIV DI NEGARA MISKIN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini menyatakan akan perlunya negara-negara maju yang kaya menyediakan lebih banyak sumber dalam mencegah jangkitan virus HIV/AIDS, khususnya di negara-negara miskin di Afrika.

Wakil Tetap Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Datuk Hasmy Agam berkata, kebanyakan negara-negara Afrika yang dibebani dengan hutang tidak mempunyai sumber untuk menjalankan program pencegahan yang berkesan.

"Mereka juga tidak mampu menyediakan rawatan kepada penduduk yang dijangkiti virus HIV kerana ubat bagi merawatnya terlalu mahal," kata beliau di sesi Majlis Keselamatan PBB mengenai "Situasi di Afrika: Impak AIDS Pada Keamanan dan Keselamatan di Afrika".

Teks ucapan beliau di keluarkan di sini, hari ini.

Beliau berkata, negara-negara maju perlu memainkan peranan konstruktif dengan memastikan negara-negara Afrika itu memperoleh ubat berkenaan.

Mereka harus memberi tekanan kepada syarikat-syarikat farmaseutikal di negara masing-masing supaya mengurangkan harga ubat-ubatan itu ataupun melesenkan lebih banyak syarikat untuk mengeluarkan ubat-ubat penyelamat nyawa, katanya.

Hasmy berkata, semasa Kongres Antarabangsa Mengenai AIDS Di Rantau Asia-Pasifik yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membawa perhatian kepada fakta yang pelesenan seperti itu dibenarkan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Tetapi, malangnya, negara-negara tertentu telah memihak kepada syarikat-syarikat farmaseutikal gergasi dan akhirnya menafikan negara-negara membangun hak untuk mengeluarkan ubat-ubatan pada harga yang lebih murah untuk menyelamatkan nyawa rakyat mereka.

Hasmy berkata, sementara adalah benar yang syarikat-syarikat farmaseutikal telah membuat pelaburan besar dalam penyelidikan, mereka bagaimanapun tidak patut cuba mendapatkan balik pelaburan mereka dan mengaut keuntungan atas kesengsaraan golongan miskin.

Dr Mahathir juga telah berkata negara-negara maju yang kaya itu boleh berbuat banyak dalam mengurangkan beban negara-negara miskin dalam hal ini, katanya lagi.

Hasmy juga berkata mesyuarat pertama mengenai perkongsian antarabangsa bagi HIV/AIDS di Afrika yang berlangsung di ibu pejabat PBB di New York Disember lepas adalah tepat pada masanya.

"Delegasi saya berharap yang akan ada tindakan susulan konkrit dalam bulan-bulan berikutnya dan pelan yang dipersetujui harap dapat dimuktamadkan Mei ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ PR